

Baginda berikrar wajib beri naungan kepada setiap warga

# Sultan Nazrin ditabal Sultan Perak ke-35

Oleh AZIZUL FAHMI AHMAD  
ZABIDI dan SAHLIZAH MOHAMED  
berita@kosmo.com.my

**KUALA KANGSAR** – Sultan Nazrin Muizzuddin Shah secara rasmi ditabalkan sebagai Sultan Perak ke-35 pada Istiadat Tabal Adat di Balai rung Seri, Istana Iskandariah, Bukit Chandan di sini semalam.

Istiadat pertabalan yang berlangsung dalam suasana penuh tradisi dan adat resam Kesultanan Melayu Perak itu bermula dengan bacaan ayat suci al-Quran sebelum Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan, Datuk Dr. Afifi Al-Akiti menatang naskhah kitab suci itu untuk diserahkan kepada Sultan Nazrin.



**SULTAN NAZRIN** mengucup al-Quran sempena Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 di Istana Iskandariah.



**SULTAN NAZRIN** memegang Pedang Cura Si Manja Kini sempena Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.



**SULTAN NAZRIN** menyemat 'Bunga Pencawa Pencara' di atas kepala Tuanku Zara selepas dimasyhurkan sebagai Raja Permaisuri Perak.

## INFO Profil Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

- Diputerakan pada 27 November 1956
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Jalan Kuantan, Kuala Lumpur sehingga darjah lima
- Baginda melanjutkan pelajaran dari darjah enam hingga tingkatan dua di St. John Institution
- Pada usia 13 tahun, Sultan Nazrin berangkat ke United Kingdom untuk meneruskan pengajian di Leys School, Cambridge
- Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Falsafah, Politik dan Ekonomi dari Universiti Oxford
- Sekembalinya dari luar negara, Sultan Nazrin bertugas sebagai pegawai eksekutif Petronas dari 1979 hingga 1983
- Sultan Nazrin melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Awam di Kennedy School of Government, Universiti Harvard diikuti Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Politik, Ekonomi dan Kerajaan dari universiti sama
- Baginda dimasyhurkan sebagai Raja Kecil Besar Perak pada 16 Februari 1984 dan Raja Muda Perak pada 15 April 1987
- Ketika ayahanda baginda, Sultan Azlan Shah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin dilantik sebagai Pemangku Raja Perak mulai April 1989 hingga 1994
- Baginda dijabkbulkan dengan Tuanku Zara pada 17 Mei 2007 dan dikurniakan seorang putera, Raja Azlan Muzaffar Shah pada 14 Mac 2008 serta seorang puteri, Raja Nazira Safya pada 2 Ogos 2011



## INFO Profil Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim

- Dilahirkan pada 23 Mac 1973 di

Nazrin.  
Sejurus kemudian, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral (B) Tan Sri Mohd. Zahidi Zainuddin membacakan Watikah Pertabalan Sultan Nazrin sebagai Sultan Perak ke-35 pada pukul 11.30 pagi.

Selesai pengisytiharan itu, Mohd. Zahidi mengangkat sembah dan melaungkan 'Daulat Tuanku' sebanyak tiga kali diikuti sekalian hadirin.

Serentak itu, nobat dibunyikan dan tembakan meriam 21 das dilepaskan sebelum Mohd. Zahidi menyerahkan Pedang Cura Si Manja Kini untuk dikucup Sultan Nazrin.

Sebaik sahaja acara itu selesai, Toh Seri Nara Diraja,

Mohd. Shah Nong Chik naik ke singgahsana dan melaungkan persembahkan 'Mestika Embun' (geliga) dan menyunting 'Cap Halilintar' (mohor yang diperbuat daripada perak) pada tengkolok baginda sambil membisikkan 'Rahsia Nisab Sultan' (asal-usul Sultan).

Selepas itu, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja melakukan istiadat pema-syuran Tuanku Zara Salim sebagai Raja Permaisuri Perak.

Kemudiannya, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa menyampaikan ucapan sembah taat setia bagi pihak kerabat diraja dan diikuti sembah taat setia daripada rakyat jelata yang diwakili Menteri Besar, Da-

tuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir.

Turut berangkat menyaksikan istiadat pertabalan tersebut ialah bonda Sultan Nazrin, Raja Permaisuri Tuanku Bainun.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Norainee Abd. Rahman.

Dalam ucapan baginda, Sultan Nazrin bertitah, raja pemerintah adalah payung kedaulatan negara dan baginda wajib memberi naungan saksama kepada setiap warga tanpa mengira kaum dan agama.

Titah baginda, takhta pemerintahan berperanan sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan, payung penyatuan dan instrumen kesatuan dalam kepelbagaian.

"Semestinya takhta pada setiap ketika tidak bersifat partisan, malah wajib mencuar tinggi di atas segala polemik politik kepartian, demi memastikan peranan takhta diterima baik," titah baginda.

Pada 29 Mei 2014, Sultan Nazrin dimasyhurkan sebagai Sultan Perak ke-35 pada istiadat pengisytiharan pelantikan di Istana Iskandariah.

Sultan Nazrin menggantikan ayahanda baginda, Sultan Azlan Shah yang mangkat.

- Dilahirkan pada 22 Mac 1973 di Ipoh, Perak
- Pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Convent Ipoh dan peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Ipoh sebelum meneruskan pengajian peringkat A-Level di Prime College, Kuala Lumpur
- Melanjutkan pelajaran di Universiti Nottingham, United Kingdom dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) dalam bidang Kejuruteraan Kimia
- Sekembalinya dari United Kingdom pada 1995, Tuanku Zara bertugas di Petronas selama enam tahun sebelum berkhidmat di Formis Malaysia Berhad, sebuah syarikat teknologi maklumat
- Pada 2005, Tuanku Zara menjawat jawatan Pengarah Urusan di Forthwave Consulting Sdn. Bhd., sebuah syarikat perunding hidrokarbon
- Seorang yang aktif dalam aktiviti sukan dan pernah mewakili Perak dalam sukan renang
- Pada 1 Januari 2012, Tuanku Zara dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris



## Najib ucap tahniah kepada Sultan Nazrin

**KUALA LUMPUR** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada Sultan Nazrin Muizzuddin Shah atas pertabalan baginda sebagai Sultan Perak ke-35.

"Merafak sembah setinggi-tinggi tahniah kepada Sultan Nazrin Muizzuddin Shah atas pertabalan baginda sebagai Sultan Perak ke-35 hari ini (semalam).

"Semoga Perak Darul Ridzuan semakin maju serta dilimpahi rahmat Allah. Daulat Tuanku," kata Najib dalam catatan terkini menerusi laman Twitter dan Facebook beliau semalam.

Di Kuala Kangsar, Perak. Men-



NAJIB

teri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir mewakili rakyat di seluruh negeri itu melahirkan rasa bertuah dan bersyukur atas pertabalan Sultan Nazrin sebagai Sultan Perak ke-35.

Menurut Zambry, Sultan Nazrin merupakan seorang raja yang kaya dengan ilmu dan sering berdamping bersama golongan ilmuwan serta agamawan.

"Tuanku juga mengharumkan nama Kesultanan Negeri Perak apabila bertitah di serata dunia dengan cetusan minda yang sering memancarkan naluri bagi mewujudkan sebuah dunia yang sejahtera.

"Tuanku laksana permata, mengerdipkan kearifan dalam kala-

ngan yang arif tentang hal ehwal dunia dan pengiktirafan Tuanku di persada buana telah menjulang nama watan hingga membolehkan pentadbiran pimpinan patik membangunkan negeri yang menjadi tumpuan dagang serta senter," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sembah tahniah dan taat setia daripada rakyat jelata sempena Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 di Balairung Seri, Istana Iskandariah.

**ZAMBRY** (tengah) menyampaikan ucapan sembah tahniah dan taat setia daripada rakyat jelata sempena Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar semalam.





TOK Seri Nara Diraja, Mohd. Shah Nong Chik (kiri) meletakkan 'Cap Halilintar' pada tengkolk Sultan Nazrin sempena Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar semalam.



SULTAN NAZRIN (tiga dari kiri) berkenan memeriksa Kawalan Kehormat Pasukan Rejimen Askar Jurutera Diraja Divisyen 2 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.



SULTAN NAZRIN bersama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara mengaminkan doa pada Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 di Istana Iskandariah.



DATUK Seri Najib Tun Razak (barisan depan, dua dari kanan) dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor (barisan depan, kanan sekali) bersama pemangku sultan, wakil kerabat diraja dan Yang Dipertua Negeri hadir pada Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.



RAJA Permaisuri Tuanku Bainun (depan kanan) bersama anakanda dan cucunda berangkat pada Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35.



ANTARA orang kenamaan dan tetamu yang hadir pada Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35.

PUTERA dan puteri Sultan Perak, Raja Azlan Muzaffar Shah (kanan) dan Raja Nazira Safya melihat ayahanda mereka mencemar duli memeriksa kawalan kehormat di pekarangan Istana Iskandariah.

